

28/12/2003

Pengalaman MCA dekati golongan muda

Johan Jaaffar

MCA telah menubuhkan sebuah panel bagi menarik golongan muda untuk menjadi ahlinya. Panel itu dipengerusikan oleh Dr Chua Soi Lek. Hasil tinjauan panel itu mendapati 12 sebab mengapa sambutan amat dingin terhadap usaha merekrut golongan muda.

Sasaran panel itu ialah mereka di antara 18 dan 35 tahun. MCA sedar bahawa lebih 70 peratus daripada lebih sejuta ahlinya kini berusia 40 tahun ke atas. Taraf pendidikan golongan ini "paling tinggi sekolah menengah."

Kita harus ingat pada masa ini terdapat kira-kira 5.8 juta rakyat Malaysia yang berusia di antara 18 hingga 35 tahun atau 27 peratus penduduk. Inilah sasaran sebenar MCA. Berdasarkan komposisi etnik, kira-kira 27 peratus daripada mereka ini berketurunan Cina atau 1.56 juta orang. Ini bilangan yang tidak boleh diambil ringan dalam mana-mana demokrasi.

Berdasarkan daftar pemilih tahun 1999, terdapat 34.2 peratus pengundi kaum Cina di Semenanjung dan 28.5 peratus daripada mereka di Sabah dan Sarawak. Mereka sebahagian daripada lebih 7.9 juta pengundi di Semenanjung dan 1.5 juta di Sabah dan Sarawak. Berdasarkan negeri-negeri, terdapat dua tempat di mana kaum Cina melebihi 50 peratus pengundi yakni Kuala Lumpur (56.9 peratus) dan Pulau Pinang (56.8 peratus). Hanya di dua buah negeri, Kelantan dan Terengganu, kaum Cina hanya mewakili 5 dan 4.6 peratus pengundi.

MCA sedar pentingnya kalangan ini didampingi. Mungkin MCA belajar daripada pengalaman Umno pada tahun 1999. Bukan rahsia lagi, bahawa Umno menghadapi masalah kerana banyak daripada kalangan muda dan profesional Melayu menyokong parti lawan. Buat kali pertama Umno mendapat jumlah kerusi Parlimen yang kurang separuh (72) daripada yang diperolehi oleh Barisan Nasional (148). Pas mendapat 27 kerusi, bertambah 20 kerusi daripada yang diperolehi pada tahun 1995 (7 kerusi).

MCA juga mendapat semangat daripada sumbangannya bagi "memenangkan" sebahagian calon Umno sendiri di kawasan-kawasan yang secara tradisionalnya kawasan pengundi Melayu. Kalau sebelum ini MCA memerlukan ehsan orang Melayu untuk menang di kawasan pengundi majoriti Melayu, pada tahun 1999, terdapat banyak kes di mana calon-calon Umno memerlukan undi kaum Cina dan India untuk menang di kawasan majoriti Melayu.

Bagaimanapun tahun 1999 harus dilihat sebagai satu situasi "luar biasa" dalam politik negara ini. Besar kemungkinan pola pengundian orang Melayu akan berubah pada tahun mengundi akan datang. Perdana Menteri baru sudah mengambilalih pimpinan. Pas dan parti lawan kehilangan musuh hakiki mereka untuk diserang, yakni bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

MCA nampaknya belajar daripada pengalamannya sendiri dalam tahun-tahun 80-an. Ketika itu persepsinya ialah MCA "parti tauke" dan parti itu tidak layak mewakili kepentingan dan aspirasi pendidik, kumpulan kebudayaan dan rakyat biasa kaum Cina.

MCA telah melakukan banyak perubahan termasuk menyingkirkan pemimpin teratasnya. Dr Ling Liong Sik mengambilalih MCA sewaktu beliau berusia 43 tahun pada tahun 1986 daripada Tan Koon Swan. MCA mulai menjuarai kepentingan kaum Cina dalam banyak hal. Antaranya ialah membantu lebih 500,000 orang pendeposit apabila koperasi mereka gulung tikar.

Dalam beberapa pilihan raya sebelum itu DAP menjadi tumpuan kaum Cina. Perubahan yang dibuat oleh Dr Ling memberikan harapan baru pada MCA dalam pilihan raya tahun 1990. Walaupun keadaan ekonomi kurang baik, tetapi MCA berjaya memperoleh 18 daripada 32 kerusi Parlimen yang ditandinginya (56.3 peratus). Untuk kerusi Dewan Undangan Negeri, MCA hanya memperoleh 34 dari 69 kerusi yang ditandinginya (49.3 peratus).

MCA sedar DAP yang dilabel sebagai parti cauvinis Cina berjaya mendekati golongan pendidik Cina. Isu pendidikan menjadi teras perjuangan mana-mana parti Cina di negara ini. Kita semua tahu sistem pendidikan Cina di negara ini ialah yang paling komprehensif di luar Negara China dan Taiwan. Di Singapura sekalipun, walaupun terdapat lebih 75 peratus rakyatnya berketurunan Cina, sekolah aliran Cina sudah tidak wujud lagi.

Kaum Cina juga amat menghargai "kebebasan" medianya. Sebarang usaha yang dilihat sebagai cuba untuk mengongkang kebebasan akhbar Cina akan mendapat tentangan keras. Kaum Cina menyokong akhbar berbahasa Cina dengan cara yang luar biasa. Sebagai bukti, hari ini, akhbar yang paling besar edaran hariannya bukan akhbar berbahasa Melayu atau Inggeris tetapi akhbar Cina. Berdasarkan angka Audit Bureau of Circulation (ABC) terbaru, edaran purata harian Sin Chew Jit Poh ialah 334,000 naskhah sehari berbanding sebuah akhbar bahasa Inggeris yang jatuh tempat kedua dengan edaran purata 290,000. Sebuah akhbar berbahasa Melayu jatuh nombor tiga dengan edaran purata harian 235,000 naskhah.

Kemuncak perjuangan pendidikan MCA ialah untuk menubuhkan universitinya sendiri. Ia menjadi kenyataan apabila Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) terbangun pada tahun 2001. Ini perjuangan yang panjang dan UTAR pernah menjadi isu sensitif di kalangan orang Melayu dan Umno. Itulah pencapaian paling besar bagi Ling sebagai Presiden MCA selama 17 tahun. Beliau meletakkan jawatan pada tahun ini. Datuk Seri Ong Ka Ting kini menerajui MCA. Pelantikan Ong ialah kompromi di antara dua kumpulan yang berantakan dalam MCA baru-baru ini. Datuk Chan Kong Choy dilantik sebagai Timbalan Presiden MCA yang baru.

Tinjauan yang dibuat ke atas kalangan muda dan profesional kaum Cina ini sepatutnya menarik perhatian kita semua. Menurut statistik tahun 1999 yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Pertubuhan Juru Ukur Malaysia dan Majlis Veteriner Malaysia, kaum Cina mewakili paling banyak ahli profesional. Jumlah mereka ialah 28,565 (53.9 peratus) berbanding dengan Bumiputera seramai 15,321 orang (28.9 peratus). Ini berdasarkan mereka yang berdaftar pada tahun itu.

Hanya dalam tiga profesyen sahaja - kedokteran, juru ukur dan veteriner - yang menampakkan lebih banyak kaum Bumiputera berbanding kaum Cina.

Panel MCA itu mendapati antara lain persepsi negatif terhadap MCA sendiri sebagai punca kalangan muda dan profesional menjauhkan diri daripada parti itu. Persepsi pertama ialah "MCA kurang berjaya dalam melaksanakan tugasnya." Persepsi kedua ialah "MCA tidak bertaring" (powerless). Persepsi lain ialah ahli politik "tidak boleh dipercayai dan mementingkan diri sendiri." Persepsi keempat ialah "ahli politik tidak memahami aspirasi orang ramai."

Panel itu juga mendapati bahawa kehidupan moden yang aktif menghalang kalangan muda dan profesional daripada terbabit dalam politik. Selain daripada itu, keutamaan kepada karier yang lain daripada politik menjadi antara penyebab mengapa mereka menjauhkan diri. Banyak yang berpendapat, masa depan bagi mereka bukan dalam bidang politik. Satu perkara lain ialah kestabilan politik yang berpanjangan. Golongan muda tidak berasa terpenggil untuk memastikan kestabilan itu.

Satu lagi faktor ialah persepsi bahawa parti politik tidak mampu atau kurang telus dalam menangani isu yang membabitkan orang ramai. Sebahagian daripada mereka juga merasakan bahawa lebih baik terbabit dalam organisasi yang secara langsung dan relevan sesuai dengan minat atau kepakaran masing-masing.

Tinjauan itu juga mendapati bahawa sistem pendidikan kita tidak membantu mempersiapkan generasi muda dalam pembabitan politik. Satu lagi hasil tinjauan itu ialah budaya syarikat tempat mereka bekerja yang tidak menggalakkan pembabitan mereka dalam politik.

MCA nampaknya bersedia mengenalpasti kelemahan dirinya bagi memungkinkan kemasukan golongan muda dan profesional ini. Pada akhirnya kepentingan

kaum diletakkan di atas segala-galanya. Apakah MCA tanpa pembabitan kalangan ini. MCA juga mengambil kesempatan daripada keyakinan baru kaum Cina masa kini. Maka itu cakap-cakap mengenai "penggabungan" MCA dan Gerakan tidak harus dipandang ringan.

Masyarakat Cina sudah pastilah akan mendapat lebih banyak keuntungan daripada penggabungan ini. Penggabungan ini juga membawa makna yang lebih jauh bagi parti seperti DAP yang jelas gagal menjadi juara orang Cina masa kini. Malah DAP akan hilang relevannya.

Ingatlah, MCA bersedia bergabung dengan musuh tradisinya demi kepentingan kaum Cina. Inilah masa yang sesuai untuk orang Melayu dan Umno menilai diri dan menanyakan hala tuju.

\* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Berhad.